

## **Notis Penting**

**Harap maklum bahawa berkuat kuasa dari 1 Januari 2022, fi Penyata Kertas Bulanan Kad Kredit akan disemak semula ke RM2.00. Fi ini akan terpakai untuk setiap Kad Kredit CIMB Bank/CIMB Islamic yang anda pegang dan ia akan didebitkan dari akaun Kad Kredit anda masing-masing setiap bulan.**

### **Apakah perbezaan antara e-Penyata melalui CIMB Clicks dan penyata e-mel?**

E-Penyata melalui e-Penyata CIMB Clicks adalah versi elektronik penyata bulanan anda yang dapat diakses di platform perbankan dalam talian kami yang dikenali sebagai CIMB Clicks. Penyata e-mel adalah penyata kad kredit bulanan anda yang dihantar ke alamat e-mel anda yang didaftarkan dengan Bank.

### **Bagaimanakah saya daftar untuk e-Penyata Kad Kredit/-i CIMB?**

Anda boleh mendaftar untuk e-Penyata dengan menghubungi Pusat Panggilan Pengguna kami di +603-6204 7788 atau kunjungi Cawangan CIMB terdekat anda untuk mengemas kini alamat e-mel anda.

### **Bagaimanakah boleh saya elakkan Fi Penyata Kertas Kad Kredit/i?**

Mendaftar untuk CIMB Clicks atau mengemas kini alamat e-mel anda dan selepas itu sila hubungi kami di +603-6204 7788 yang anda mahukan mendaftar untuk e-Penyata Kad Kredit CIMB/-i. E-Penyata akan dihantar kepada anda tanpa sebarang kos. Namun begitu, kami tidak lagi menghantar penyata kad kredit anda melalui penyata kertas dan anda tidak perlu membayar untuk fi penyata kertas kad kredit CIMB/i.

### **Bagaimanakah saya bayar fi penyata?**

Fi penyata kertas akan dicajkan kepada Kad Kredit CIMB/-i anda.

### **Siapakah yang akan dikecualikan daripada fi penyata kertas Kad Kredit?**

Kumpulan berikut dikecualikan daripada Fi Penyata Kad Kredit:

- Pelanggan berumur 65 tahun dan ke atas
- Pelanggan yang mempunyai kemampuan yang berbeza\*
- Pelanggan yang menghadapi kesukaran untuk mengakses penyata perbankan dalam talian mereka (cth terletak di kawasan luar bandar tanpa internet)\*
- Pelanggan CIMB Preferred

\*Pelanggan diminta untuk melengkapkan pengisytiharan diri di mana-mana Cawangan CIMB

### **Bagaimanakah saya kemas kini alamat e-mel saya?**

Atas sebab keselamatan, anda boleh mengemas kini alamat e-mel anda di cawangan CIMB terdekat anda atau sila hubungi Pusat Panggilan Pengguna kami di +603-6204 7788.

### **Bilakah akan saya terima e-Penyata saya jika saya berdaftar sekarang?**

E-Penyata anda akan dihantar ke e-mel anda / tersedia di CIMB Clicks pada kitaran penyata anda seterusnya.

**Apakah perisian yang diperlukan untuk muat turun dan lihat e-Penyata?**

Anda akan memerlukan Perisian Adobe Reader untuk melihat penyata dalam talian anda.